

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JUN 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 27

Kerajaan semak semula dasar industri minyak dan gas

Kerajaan semak semula dasar industri minyak dan gas

Banci OGSE dilaksana lihat daya saing industri terus jadi penyumbang utama KNDK

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kerajaan sedang melaksanakan semakan semula dasar dan hala tuju industri minyak dan gas bagi membolehkannya terus berdaya saing dan kekal menjadi penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menyatakan ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata langkah itu termasuk menyemak semula Pelan Hala Tuju Industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) Kebangsaan bagi tempoh 2021 hingga 2030.

Beliau berkata, bagi melaksanakannya dan membolehkan kerajaan mendapatkan maklumat serta memahami kedudukan semasa industri minyak dan gas, terutama OGSE, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama rakan strategik iaitu Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) dan PETRONAS melaksanakan Banci OGSE 2024.

Banci OGSE itu katanya, penting bagi memahami ketahanan industri dan membantu proses semakan semula kerana industri OGSE melalui pelbagai tempoh yang mencabar bermula dari 2015 sehingga sekarang.

Ini sekali gus membawa peserta domestik berdepan banyak cabaran ditambah perubahan drastik industri minyak dan gas negara sejak 15 tahun lalu.



Rafizi bersama Yazid (dari kiri), Muhd Uzir, Ahmad Suhaili dan Yatimah pada majlis merasmikan Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Industri sebenarnya berhadapan perubahan di mana jumlah pengeluaran minyak mentah Malaysia menurun daripada kemuncak 650,000 ton sehari kepada 360,000 ton.

"Sektor gas juga berdepan situasi sama. Permintaan gas asli naik, tetapi pada masa sama kelebihan dalam negara tidak lagi menampung.

"Perubahan ini bukan sahaja memerlukan anjakan serta pelarasan dasar kerajaan, tetapi sektor OGSE yang lebih mampan dan lebih berkembang tidak semata-mata melihat kepada pasar tempatan," katanya selepas merasmikan Banci Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE) 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir Ketua Perangkawatan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin; Pengurus Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), Datuk Dr Ahmad Suhaili Idrus; Ketua Pegawai Eksekutif MPRC, Mohd Yazid Jaafar dan Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral) Kementerian Ekonomi, Datuk Dr Yatimah Sarjiman.

Pada 2022, industri OGSE merekodkan hasil tahunan RM72.7 billion dan pembabitan 59,000 tenaga kerja dalam negara.

Industri itu menyumbang sekitar 5 hingga 8 peratus kepada KDNK Malaysia, menjadikannya antara sektor signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tidak hanya terdiri daripada jenama besar nasional, industri OGSE turut merekodkan pembabitan 1,945 atau 85.1 peratus syarikat mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Rafizi berkata, langkah menyemak semula Pelan Hala Tuju Industri OGSE Kebangsaan perlu kerana terdapat pelbagai perkara patut diperbaharui sejak pelancarannya pada 2021.

Pasaran baharu di luar negara

Beliau berkata, pelan hala tuju bertujuan mewujudkan persinggan lebih mantap dalam kalangan syarikat OGSE di Malaysia, di samping usaha menembusi pasaran baharu di luar negara serta meneroka peluang baharu dalam industri.

"Sejak dilancarkan sehingga sekarang banyak telah berubah.

Antaranya agenda kerajaan untuk mencapai komposisi tenaga mampar menyebabkan beberapa keputusan besar telah dibuat.

"Tetapi sementara kita dalam proses ke arah tenaga mampar itu menyebabkan akan ada masa merlukan lebih bekalan gas dalam negara. Jadi corak penggunaan itu telah bertukar 100 peratus sejak pelan itu dibuat pada 2020.

"Corak penggunaan, permintaan dan bekalan berubah drastik, malah suasana industri juga berbeza," katanya.

Banci OGSE yang julung kali dilaksanakan itu bertujuan mengukur prestasi sektor OGSE serta menetapkan penanda aras baharu untuk statistik OGSE di Malaysia.

Ita meliputi 3,582 pertubuhan di Malaysia yang terbabit dalam menyediakan perkhidmatan dan bekalan peralatan kepada syarikat yang mencebur aktiviti hulu-an minyak dan gas.

Maklumat dikumpulkan daripada banci ini termasuk aktiviti teras OGSE, pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan, harta tetap, eksport dan parameter ekonomi lain.